

Soalan No: 14

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 3.8.2017

SOALAN :

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan dengan terperinci daripada tahun 2008 sehingga Jun 2017 jumlah peruntukan dan pengagihan mengikut jenis daripada Kementerian bagi sekolah-sekolah Cina, Tamil dan Mubaligh di seluruh negara mengikut pecahan negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyalurkan peruntukan mengurus pada tahun 2013 hingga 2017 kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) sebanyak RM12,209,318,535.00 dan sebanyak RM4,898,056.818.00 kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di seluruh negara.